



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	23/12/2019	MUKA SURAT	:	24
JABATAN	:	SPAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Empat kampung terjejas bekalan air

Kangar: Kira-kira 120 keluarga di empat kampung di Kuala Perlis di sini, terjejas berikutan masalah tekanan air rendah dihadapi sejak tiga tahun lalu.

Tinjauan mendapati kawasan yang terjejas teruk adalah Kampung Seberang Tok Pi, Kampung Bahagia, Kampung Tanah Baru dan Kampung Tok Po sehingga memaksa penduduk menggunakan air muara.

Che Wa Othman, 70, berkata, dia menadah air paip semalaman untuk kegunaan harian berikutan tekanan air sangat rendah di rumahnya.

"Jika tidak ramai yang gunakan air pada sesuatu masa, dapatlah saya tadah air semalaman," katanya di kediamannya di Kampung Seberang Tok Pi.

Waini@Wahini Junus, 51, berkata, dia berjaga dan menunggu sehingga jam 3 pagi untuk membasuh pakaian selain menadah air bagi kegunaan harian.

"Hanya waktu itu air keluar, itu pun pada tahap sederhana laju. Justeru,



PENDUDUK Kampung Bahagia menunjukkan baldi kosong akibat masalah bekalan air.

berjaga sehingga jam 3 pagi adalah rutin kami," katanya.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kuala Perlis Nor Azam Karap berkata, pihaknya menerima aduan berhubung masalah berkenaan dan menyuarakannya kepada pihak berkaitan.

"Alasan pihak berkenaan saban tahun adalah saluran paip bocor di kawasan ter-

tentu selain kekurangan peruntukan.

"Masalah ini terlalu teruk, malah aduan terbaru daripada penduduk Kampung Bahagia yang terputus bekalan air empat hari mengakibatkan mereka perlu membeli air," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan dan Prasarana Awam, Pe-

ngangkutan, Belia dan Sukan dan Badan Bukan Kerajaan Negeri, Hamizan Hassan ketika dihubungi di sini, semalam, berkata, melewati proses tender bagi projek Pengurangan Air Tidak Berhasil (NRW) sejak tahun lalu memberi kesan terhadap proses membaiki saluran paip air di kawasan berkenaan.